


Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBNS. A/400-14/118/B/67

28 Mei 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 3 TAHUN 2003
PENURUNAN KADAR CARUMAN KWSP BAHAGIAN SYER PEKERJA**

1. Tujuan

- 1.1 Mengumumkan keputusan Kerajaan untuk menurunkan Kadar Caruman KWSP bahagian syer pekerja.

2. Kadar Caruman KWSP Bahagian Syer Pekerja

- 2.1 Mengikut Perintah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Pindaan Jadual Ketiga) 2003, Kadar Caruman KWSP bahagian syer pekerja adalah diturunkan daripada sebelas peratus (11%) kepada Sembilan Peratus (9%). Kadar caruman bahagian syer majikan dikekalkan sebagai dua belas peratus (12%) iaitu tidak berubah.

3. Pelaksanaan

- 3.1 Bagi anggota perkhidmatan awam yang masih mencarum KWSP dan gaji mereka dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS), penurunan Caruman KWSP bahagian syer pekerja akan dibuat secara automatik oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN).
- 3.2 Anggota perkhidmatan awam yang gaji mereka tidak dibayar melalui SGP, penurunan caruman KWSP bahagian syer pekerja hendaklah dibuat secara manual oleh pihak Kementerian/Jabatan masing-masing.

2/..

4. Jadual Kadar Caruman KWSP Bulanan

- 4.1 Kementerian/Jabatan masing-masing boleh memperolehi jadual caruman KWSP yang baru terus daripada pejabat KWSP Negeri/Cawangan atau melalui e-mail berikut: enquiry@epf.gov.my atau menghubungi laman web KWSP www.kwsp.gov.my/kwsp.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Penurunan Kadar Caruman KWSP ini ialah untuk tempoh satu (1) tahun sahaja iaitu berkuatkuasa mulai 01 Jun 2003 sehingga 31 Mei 2004.

6. PENUTUP

- 6.1 Sekiranya ada sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088-255628, 257111 atau email: Alice.Chan@sabah.gov.my untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(DATUK PHILIP N.K. CHIU)
Bendahari Negeri

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan – Encik Denis Mejin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan – Cik Phak Shiu Len)

s.k.. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Akauntan Kanan – Encik Rusdin Riman)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan - Encik John Angelo)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Pegawai Sistem Maklumat - Cik Cecilia Chang)

s.k. **Semua Bendahari Daerah**